

14 FEB 1997

Anwar-BN

BN PUSAT AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH DI S'WAK, KATA ANWAR

PULAU PINANG, 14 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Barisan Nasional (BN) pusat akur dan patuh dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuching semalam yang mengisytiharkan tidak sah dan batal kemenangan BN di kawasan Bukit Begunan pada pilihan raya negeri Sarawak September lepas.

"Kita patuh kepada keputusan mahkamah...tetapi kita juga kena teliti keputusan mahkamah itu dahulu...kemudian kita kena buat persiapan (bagi diadakan) pilihan raya kecil jika perlu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri di Kampung Tanjung Tokong, dekat sini. Sebelum itu, beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Tuan Guru di situ.

Anwar berkata, keputusan itu bagaimanapun tidak menimbulkan isu sama ada ia menjejaskan imej BN Negeri Sarawak atau Pusat.

Pada pilihan raya 8 dan 9 Sept lepas, calon BN Mong anak Dagang, 41, muka baru daripada Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), menang dengan memperolehi 4,891 undi berbanding calon bebas, Donald Lawan, 53, yang mendapat 2,726 undi.

Mahkamah membuat keputusan itu ekoran petisyen yang dikemukakan oleh Donald.

Anwar berkata BN Sarawak akan menangani soal pemilihan calon jika diadakan pilihan raya kecil bagi kawasan itu kelak.

"Kita serahkan kepada BN Sarawak untuk membuat keputusan (berhubung calon) dan menyerahkan cadangan mereka kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Pusat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau menegaskan bahawa BN Sarawak akan meneliti semua perkara yang timbul sebelum berbuat demikian. -- BERNAMA

AA AHM NMO